

Press Release



UNTUK SIARAN SEGERA

AirAsia X Jalin Kerjasama Dengan Sony untuk Menawarkan Fon Kepala Pembatalan Bunyi Terkini di Premium Flatbed

Diskaun 20% untuk penerbangan AirAsia X dan tawaran istimewa Sony

SEPANG, 28 Feb 2018 – AirAsia X menjalinkan kerjasama dengan Sony Corporation untuk menampilkan fon kepala pembatalan bunyi terkini di tempat duduk Premium Flatbed yang merupakan pemenang anugerah syarikat penerbangan tambang rendah terbaik dunia.

Fon kepala Sony, *h.ear on 2 Wireless Noise Cancelling, WH-900N* berwarna merah yang diiringi dengan tablet hiburan dalam pesawat AirAsia X, Xcite disediakan dalam kabin Premium Flatbed bagi penerbangan antara Kuala Lumpur dan Tokyo (Haneda), Japan mulai 26 Februari 2018.

Fon kepala selesa dan mudah alih ini direka bentuk untuk memperbaiki kualiti bunyi, keselesaan secara keseluruhannya dan keupayaan untuk mengurangkan bunyi bising di persekitaran kabin. Fon kepala mod pembatalan bunyi bising di persekitaran kabin ini akan memberi tetamu AirAsia X kawalan sepenuhnya terhadap pengalaman audio mereka.

Ketua Kumpulan Komersial AirAsia X, Barry Klipp berkata, "Sebagai satu-satunya syarikat penerbangan tambang rendah jarak jauh yang menawarkan tempat duduk yang mampu direbahkan sepenuhnya kepada katil rata, penambahan fon kepala dengan audio beresolusi tinggi dan pembatalan bunyi canggih mengangkat produk premium dan krew yang telah memenangi anugerah terbaik dunia ke taraf yang lebih tinggi. Kini, tetamu kita boleh menikmati sepenuhnya pelbagai pilihan hiburan yang tersedia dalam tablet hiburan, Xcite yang ditawarkan dalam pesawat."

"Buat permulaan, fon kepala ini tersedia dalam Premium Flatbed untuk mereka yang terbang antara Kuala Lumpur dan Tokyo (Haneda), dengan perancangan untuk memperluaskannya ke laluan lain untuk fasa akan datang kelak."

Pengarah Urusan Sony Malaysia, Satoru Arai berkata, "Kami berasa gembira dengan kerjasama dengan AirAsia X untuk menampilkan salah satu daripada teknologi tercanggih dan terkini kami di kabin Premium Flatbed di dalam pesawat. Kami berharap teknologi pemakaian kami akan memberi tetamu AirAsia X pengalaman baru dan selesa bagi perjalanan mereka."

Untuk meraikan kerjasama dengan Sony, kami berbesar hati untuk menawarkan kepada tetamu diskaun 20 peratus untuk semua penerbangan AirAsia X merentasi rangkaian tempat duduk Standard dan Premium Flatbed. Untuk menikmati diskaun 20%, tempah penerbangan AirAsia X mulai sekarang sehingga 4 Mac 2018 dengan kod promo "SONY20" bagi tempoh perjalanan antara 26 Februari dan 31 Julai 2018. Tertakluk kepada terma dan syarat

Di bawah kerjasama yang julung kali diadakan bagi kedua-dua pihak ini, Sony akan menawarkan hadiah kepada semua tetamu AirAsia X yang terbang ke Jepun melalui AirAsia X Malaysia (kod pesawat: D7), AirAsia X Thailand (XJ) dan AirAsia X Indonesia (XT) dengan mengemukakan pas menaiki pesawat AirAsia X di gedung Sony di Tokyo Ginza di Jepun, dan diskaun istimewa di gedung Sony di KLCC dan The Curve di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut berkenaan promosi dan aktiviti terkini AirAsia, sila layari Twitter (twitter.com/AirAsia) dan Facebook (facebook.com/AirAsia).

Mengenai Kumpulan AirAsia X

Press Release



AirAsia X adalah syarikat penerbangan tambang rendah jarak jauh bagi Kumpulan AirAsia yang kini terbang ke 26 destinasi di seluruh Asia, Australia, New Zealand, Timur Tengah dan Amerika. AirAsia X beroperasi dengan 30 pesawat A330-300s, setiap satu dengan 12 Premium Flatbed dan 365 tempat duduk ekonomi. Syarikat penerbangan ini telah membawa lebih 30 juta tetamu sejak penubuhan perkhidmatan penerbangan jarak jauh yang telah dimulakan pada tahun 2007. AirAsia X telah diiktirafkan dengan anugerah "Kabin Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" dan "Tempat Duduk Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" di acara tahunan Anugerah Dunia Penerbangan Skytrax bagi lima tahun berturut-turut dari tahun 2013 – 2017.

##Tamat##